

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG  
[BAGAN]**

**TARIKH JAWAPAN : 8 APRIL 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah kos diperlukan untuk menaik taraf semua loji pembetungan dalam negara dengan berikan pecahan mengikut negeri sejak 2004. Berikan tapak spesifik di Pulau Pinang. Bilakah ia akan dilaksanakan dan mengapa IWK tidak diwajibkan untuk menaik taraf loji berkenaan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM7.63 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan bagi meningkatkan infrastruktur pembetungan di seluruh negara. Selain Kuala Lumpur dan Selangor, Pulau Pinang adalah di antara penerima terbesar bagi pembangunan sistem pembetungan bernilai hampir RM1.12 bilion bagi tempoh 2001 hingga 2013. Perbelanjaan ini melibatkan pembinaan sebanyak 7 buah projek di bawah program pembinaan loji rawatan kumbahan bersaiz besar dan rangkaian pembetungan. Selain itu, sebanyak 11 pakej kerja bagi program membaik pulih sistem pembetungan sedia ada telah dilaksanakan di Pulau Pinang bagi tempoh tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

2. Semenjak diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan pada 23 Jun 2000, tanggungjawab IWK dihadkan kepada kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam

dan pungutan caj sahaja. Pelaksanaan semua projek kapital dan kerja-kerja baik pulih sistem pembetungan telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, di bawah Kementerian saya.

\*\*\*\*\*